



## GARISPANDUAN PENGISIAN LAMPIRAN SP

**(SENARAI PROJEK PEMBAHARUAN, PEMBAIKAN DAN PENCAPAIAN YANG DILAKSANAKAN)**

### A. TATACARA PENGISIAN LAMPIRAN SP

LAMPIRAN SP

#### SENARAI PROJEK PEMBAHARUAN, PEMBAIKAN DAN PENCAPAIAN YANG DILAKSANAKAN

Nama Pegawai & No. K.P.P. : \_\_\_\_\_

BIL	TAJUK PROJEK & SINOPSIS	OBJEKTIF PROJEK / KPI PROJEK	PERANAN PEGAWAI DALAM PROJEK	TARIKH MULA HINGGA TAMAT PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK (%)	HASIL-HASIL YANG TELAH DICAPAI DARI PELAKSANAAN PROJEK (EVIDENCE BASED BERBENTUK #/\$/%)	IMPAK POSITIF PROJEK (Jika masih dalam cadangan / masih proses dalam perlaksanaan)
1.							
2.							
3.							

#### 1. TAJUK PROJEK

- ✓ Memastikan Tajuk Projek yang dinyatakan adalah berkaitan dengan penjelasan-penjelasan yang dijelaskan didalam kolumn-kolumn seterusnya
- ✓ Sekiranya ada perkataan yang mempunyai *abbreviation* atau singkatan sila untuk berikan pengertiannya semasa pertama kali dinyatakan. Contohnya seperti berikut:

Pengertian penuh yang perlu dinyatakan sekali di dalam Senarai Projek	Singkatan
<i>Locally Engaged Staff (LES)</i>	LES
Penghulu Mukim dan Ketua Kampong (PMKK)	PMKK

- ✓ Tajuk-Tajuk Projek didalam Bahasa Inggeris untuk disertakan dengan pengertiannya didalam Bahasa Melayu / diterjemahkan kedalam Bahasa Melayu
- ✓ Bagi projek-projek yang berfasa:

- Untuk diasingkan mengikut fungsi setiap fasa bagi melihat peranan Pegawai; samaada lebih aktif kepada peringkat pertama projek seperti penyediaan kertas kerja sahaja ataupun selanjutnya. Contohnya,
  - Fasa Pertama – Penyediaan Kertas Kerja (Peranan sebagai penyedia kertas kerja)
  - Fasa Kedua – Implementasi (Peranan utama lebih kepada Bahagian yang menjalankan tugas berkaitan)

## 2. SINOPSIS & OBJEKTIF PROJEK

- ✓ Ringkasan Projek:
  - Tujuan utama ianya diadakan atau objektif projek
  - Hasrat yang hendak dicapai
- ✓ Untuk memaklumkan sekiranya projek-projek berkenaan adalah:
  - *Inherited Project*
  - Projek atas arahan/tugasan yang diberikan
  - Projek adalah inisiatif Pegawai yang disokong itu sendiri

## 3. PERANAN PEGAWAI DALAM PROJEK

- ✓ Untuk menyatakan jawatan semasa memegang projek berkenaan (Contohnya, Jawatan yang dipangku / jawatan pada masa ini)
- ✓ Untuk menyatakan peranan pegawai didalam penyumbangan kepada projek berkenaan seperti berikut:
  - Peneraju (Lead)
  - Ketua
  - Penyelaras
  - Perancang
  - Penyedia Kertas Kerja
  - Penasihat
  - Ahli Kumpulan
  - Pemantau
  - Pelaksana
- ✓ Untuk menerangkan aktiviti-aktiviti dibuat bagi peranan yang disebutkan bagi melihat *active level* Pegawai didalam satu-satu projek itu. Contohnya,
  - **Ahli Kumpulan / Penasihat** – Memberikan buah fikiran, menyediakan laporan, membuat kajian
  - **Pemantau** – Mengadakan mesyuarat setiap minggu bagi mengetahui status pelaksanaan projek agar boleh menyelesaikan isu-isu sekiranya ada dan memberikan cadangan-cadangan yang bersesuaian

- **Ketua/ Peneraju** – Mengetuai kumpulan kerja dengan mengadakan mesyuarat, memberikan nasihat yang bersesuaian, *guiding team members*, membuat pemantauan dari mada kesemasa.

#### 4. TARIKH MULA HINGGA TAMAT PROJEK

- ✓ Untuk memberikan tarikh penuh mulanya projek hingga tarikh tamat
- ✓ Sekiranya projek tersebut belum tamat, boleh dinyatakan ‘Tahun 2023 – Didalam Proses..’
- ✓ Sekiranya projek tersebut berterusan, ‘Tahun 2018 – Berterusan sehingga sekarang’. Projek-Projek berterusan adalah berkaitan dengan tugas-tugasan berimpak tinggi yang didalam kategori ‘operational’

#### 5. STATUS PELAKSANAAN PROJEK (%)

- ✓ Untuk menyebutkan peratus (%) pelaksanaan projek yang terkini,
  - 100% Selesai / 90% Selesai dan sebagainya
  - Sedikit penerangan untuk disertakan sekiranya ada:
    - Menunggu *Endorsement*
    - Belum Dilaksanakan
    - Proses Penyediaan Kertas Kerja
    - Dalam Perancangan

#### 6. HASIL-HASIL YANG TELAH DICAPAI DARI PELAKSANAAN PROJEK (EVIDENCE BASED)

- ✓ Contoh Hasil-Hasil yang dimaksudkan adalah:
  - **Penjimatatan Perbelanjaan Kerajaan**  
Perbandingan Perbelanjaan sebelum projek ini dan dengan adanya projek ini untuk dinyatakan.
  - **Peningkatan didalam hasil pendapatan / kewangan**  
Perbandingan hasil pendapatan sebelum ini dengan adanya projek ini.
  - **Penyediaan laporan / kertas kerja dengan lebih teliti dan holistik**
    - Bagi mengurangkan isu-isu didalam penyediaan kertas kerja / laporan sebelum ini.
    - Konsep kertas kerja / laporan yang lebih ringkas dan *straightforward*.
    - Untuk membuat keputusan / kajian yang selanjutnya.
  - **Berjayanya pelaksanaan satu-satu mesyuarat** (Dalam Negeri/ Luar Negeri),

- Mengurangkan isu-isu yang sering berlaku (contohnya, *technical errors*, isu didalam perancangan/ pelaksanaan, *logistics*, kehadiran dan sebagainya).
  - Terhasilnya keputusan strategik melalui perbincangan-perbincangan yang diadakan.
- **TPOR** – Kurang tempoh proses kerja  
Perbandingan TPOR sebelum dan yang terkini.
- ✓ Hasil-hasil yang telah dicapai untuk seboleh-bolehnya dinyatakan dalam bentuk yang *quantifiable results* iaitu seperti contoh-contoh berikut:
  - Hasil Jabatan (*revenue*): Peningkatan hasil Jabatan **sebanyak 20% (BND\$40,000)** berbanding Tahun Kewangan 2021/2022.
  - Penjimatan perbelanjaan: Penjimatan perbelanjaan sebanyak 10% iaitu daripada BND\$10,000 kepada \$9,000 bagi perkhidmatan X bagi Tahun 2025 dengan tidak menjaskankan kualiti perkhidmatan.
  - Jumlah Pegawai dan Kakitangan: **Seramai 50 orang** Pegawai dan Kakitangan telah menghadiri kursus berkenaan dan berjaya lulus dan beriktiraf di tahap antarabangsa untuk melaksanakan tugas-tugas X.
  - Masa: Pengurangan tempoh masa diperlukan untuk memproses X **sebanyak 50% iaitu daripada 10 hari bekerja kepada 5 hari bekerja**.
  - **Penambahbaikan proses**: Memudahkan proses dengan membolehkan pegawai dan kakitangan mengakses maklumat secara atas talian pada bila-bila masa dan seterusnya telah meningkatkan kepuasan hati pelanggan daripada 70% ke 90%.
- ✓ Dokumen-dokumen berkaitan seperti salinan laporan, rajah, gambar, carta aliran, ringkasan kertas kerja dan sebagainya bolehlah juga di lampirkan sekiranya difikirkan sesuai.

## 7. IMPAK POSITIF PROJEK

- ✓ Impak-Impak projek adalah kepada:
  - *Stakeholders*
  - Penaiktarafan mana-mana Sistem / Perkhidmatan
  - Peningkatan didalam kemahiran kakitangan
  - Kebersihan Halaman Bertugas
  - Membuka ruangan kajian
  - Mengeratkan hubungan dua hala
- ✓ Impak-Impak yang disenaraikan adalah berbentuk ‘positif’ sahaja.
- ✓ Bagi projek-projek yang **belum dijalankan**, bolehlah untuk menerangkan **Impak yang diharatkan**.

## B. PENYUSUNAN PROJEK-PROJEK YANG SIGNIFIKAN DAN STRATEGIK

1. Projek-Projek yang disenaraikan adalah berbentuk:
  - a. *Operational*  
(Hal Ehwal pengurusan and pentadbiran Jabatan / Kementerian, rutin, tugasan utama)
  - b. Signifikan dan Strategik  
(Penyediaan Dasar, Pembaikkan hubungan dua hala, Bagi pencapaian Wawasan Negara)
2. Setiap projek-projek yang tersenarai dibawah kategori *Operational* ataupun Signifikan / Strategik adalah mengikut impak positif tertinggi ke terbawah.

**C. CONTOH PROJEK-PROJEK / SUMBANGAN-SUMBANGAN UTAMA MENGIKUT TANGGAGAJI YANG DISOKONG**

KUMPULAN 1/2/3	SUPERSCALE A/B/C
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyediaan Kertas Kerja Dasar</li> <li>▪ Peningkatan didalam <i>Productivity and efficiency</i> bagi mana-mana proses-proses kerja</li> <li>▪ Pembaikan kepada fungsi-fungsi Jabatan / Kementerian</li> <li>▪ Pelaksanaan dan Pemantauan kepada hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Jabatan/ kementerian sehari-hari</li> <li>▪ Pembaikan didalam pengurusan hal ehwal tenaga manusia</li> <li>▪ Pengenalan kepada sebarang teknologi kepada proses kerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengadakan dan melaksanakan strategi-strategi baru bagi mencapai hasrat KDYMM / Wawasan</li> <li>▪ Meningkatkan imej Jabatan / Kementerian</li> <li>▪ Menggerakkan hubungan bersama pihak Kementerian-Kementerian lain dan pihak-pihak swasta</li> <li>▪ Mengurangkan perbelanjaan Kerajaan</li> </ul>